
JPS diminta atasi masalah



LUBANG yang terbentuk akibat tanah mendap di Jalan Mahdi, Kampung Baru, Kuala Lumpur kelihatan semakin buruk menyebabkan penduduk bimbang ia akan membahayakan rumah mereka. – UTUSAN

KUALA LUMPUR 15 Dis. - Penduduk sekitar Jalan Syed Mahdi di Kampung Baru menggesa Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) segera membaiki lubang di jalan itu yang terhasil akibat mendapan tanah sejak tujuh bulan lalu.

Ini kerana keadaan lubang tersebut semakin teruk dan merbahaya kepada penduduk berdekatan terutama apabila berlaku hujan lebat.

Pada 15 April lalu, satu kejadian tanah mendap berlaku di situ menyebabkan 30 keluarga terpaksa dipindahkan. Kejadian itu membentuk sebuah lubang sedalam kira-kira satu meter pada pukul 8 malam selepas banjir kilat akibat hujan lebat sejak pukul 6 petang hari berkenaan.

Jalan berkenaan dipercayai terletak di atas sebatang longkang lama.

Penduduk yang ditemui semalam mendakwa, sepanjang tempoh tersebut tiada tindakan dilakukan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Kuala Lumpur bagi membaiki keadaan lubang mendap itu.

Tinjauan *Utusan Malaysia* mendapati sebahagian ruang hadapan rumah beberapa penduduk di situ mendap dan menyebabkan berlaku hakisan di sekitar kawasan itu.

Suri rumah, **Masitah Othman**, 45, berkata, rumahnya rosak teruk dan tidak boleh diduduki lagi kerana rumahnya berdekatan dengan lubang akibat tanah mendap itu.

"Pihak bertanggungjawab hanya datang memantau sahaja tiap kali berlaku banjir, tetapi selepas itu tiada tindakan dilakukan bagi menyelesaikan masalah itu.

"Sejak rumah saya rosak, pendapatan keluarga turut terjejas kerana sebelum ini saya membuka pusat jagaan kanak-kanak di rumah," katanya.

Pekerja swasta, **Azli Mohamed**, 33, berkata, tahun ini sudah tiga kali banjir berlaku di kawasan ini.

"Banjir yang berlaku Selasa lalu adalah paling teruk kerana lubang yang terhasil dari tanah mendap tidak dibaiki sehingga sekarang," katanya.

Pada Selasa lalu, banjir kilat melanda beberapa kawasan di ibu negara, termasuk di Jalan Mahdi apabila hujan lebat menyebabkan air Sungai Bunus yang melalui Kampung Baru melimpah.

Sementara itu, Pengarah JPS Kuala Lumpur, Mat Rahim Ismail berkata, pihaknya akan menutup lubang tersebut secepat mungkin.

"Penutupan lubang ini adalah untuk tempoh sementara sahaja sebelum pelan pembaikan semula dilakukan dalam masa terdekat," katanya.